

Perlu perkenan sultan terlebih dahulu

Cadangan menubuhkan Skwad Badar dan merombak jawatankuasa masjid dan surau dibuat demi kebaikan agama dan umat Islam pasti akan mendapat perkenan Sultan Sharafudin

■ **BADRULDIN ZAKARIA**

SHAH ALAM - Sebarang cadangan yang menyentuh hal ehwal agama

Islam di negeri ini perlu dimaklumkan terlebih dahulu kepada Sultan Selangor, Sultan Sharafudin Idris Shah kerana perkara berkenaan di bawah bidang kuasa baginda yang bertindak sebagai ketua agama Islam di Selangor.

Mufti Selangor, Datuk Seri Tamyas Abdul Wahab berkata, cadangan berkenaan termasuklah untuk menubuhkan semula sukarelawan Badan Amar Makruf Nahi Mungkar (Badar) dan

cadangan untuk merombak jawatankuasa masjid dan surau bagi mengelakkan penyelewengan kewangan.

“Cadangan yang dibuat demi kebaikan agama dan umat Islam pasti akan mendapat perkenan Sultan Sharafudin. Bagaimanapun baginda hendaklah dimaklumkan terlebih dahulu supaya baginda dapat memberikan pandangan.” Katanya ketika dihubungi Sinar Harian semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai cadangan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Adat Melayu, Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Datuk Dr Hassan Mohamad Ali mengenai cadangan mewujudkan semula skuad Badar di Selangor.

Mengenai penubuhan semula Skwad badar seperti yang diumumkan Pengerusi Hal Ehwal Islam, Adat Melayu, Infrastruktur

dan Kemudahan Awam, Datuk Dr Hassan Ali untuk membasmi maksiat yang dilihat semakin meningkat di negeri ini, beliau berkata sekiranya tugas skuad berkenaan adalah untuk mencegah kemungkaran, amatlah dituntut oleh Syarak dan amat dialu-alukan.

Bagaimanapun katanya, kajian menyeluruh perlu dijalankan sebelum ia dilaksanakan penubuhannya bagi mengelak sebarang kelemahan sehingga menyebabkan masyarakat memandang rendah tugas skuad berkenaan dan akhirnya dibubarkan seperti mana sebelum ini sehingga tugas itu telah diambil alih oleh jawatankuasa masjid dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Skuad Badar pernah diperkenalkan pada tahun 1996 bagi mengengkang kemungkaran yang berlaku sama ada secara sedar atau sebaliknya.

Sementara itu, Pengarah JAIS, Datuk Khusrin Munawi berharap modus operandi skuad berkenaan dapat dibaiki supaya ia dapat bertindak dengan sempurna dalam mencegah kemungkaran di negeri berkenaan.

“Banyak perkara perlu diberi perhatian seperti keanggotaan skuad terbabit kerana kita tidak mahu berlaku penyalahgunaan kuasa yang akhirnya memberikan imej yang tidak baik kepada agama Islam,” katanya.

Malah, anggota skuad juga perlu diberi latihan yang secukupnya agar mereka memahami bidang tugas termasuk aspek perundangan agar tugas yang dilaksanakan tidak menimbulkan masalah.

“Jika ia dapat dilaksanakan dengan baik, saya pasti ia akan dapat membantu JAIS dalam sama-sama membanteras dan mencegah maksiat di negeri ini,” katanya.



“Kajian menyeluruh perlu dijalankan sebelum ia dilaksanakan penubuhannya bagi mengelak sebarang kelemahan sehingga menyebabkan masyarakat memandang rendah tugas skuad berkenaan dan akhirnya dibubarkan seperti mana sebelum ini sehingga tugas itu telah diambil alih oleh jawatankuasa masjid dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).”

Datuk Seri Tamyas Abdul Wahab